

02 SEP 1999

PM-KAWALAN MODAL

PM TEGASKAN KAWALAN MODAL TIDAK AKAN DITARIK BALIK

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi mengulangi bahawa kawalan modal tidak akan ditarik balik kerana ia tidak menimbulkan sebarang masalah.

Menurutnya, beliau tidak faham mengapa sesetengah pihak begitu bimbang berhubung perkara itu.

Bercakap pada sidang akhbar selepas memberi ucapan di simposium antarabangsa mengenai kawalan modal dan kerjasama kewangan Asia di sini hari ini, beliau berkata, pemulihan negara lain bukan kerana mereka menuruti nasihat Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) tetapi melaksanakan yang sebaliknya.

IMF mencadangkan kadar faedah ditingkatkan dan perbelanjaan dikurangkan tetapi negara-negara terbabit sebaliknya menurunkan kadar faedah dan mengumpul lebih banyak wang daripadanya, katanya.

Mereka tidak menyusun semula seperti cara yang telah diarahkan dan syarikat-syarikat mereka tidak dibubarkan, kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata selepas kegagalan Long Term Capital Management (LTCM), bank-bank lebih berhati-hati dalam memberi pinjaman wang kepada dana lindung nilai.

Akibatnya, beliau berkata mereka tidak mampu menekan matawang seperti yang biasa dilakukan dan sehubungan itu, matawang-matawang terbabit tidak lagi diancam seperti sebelumnya.

Bagi Malaysia, Perdana Menteri berkata, beliau tidak pernah menjangkakan kadar pemulihan yang begitu pantas seperti sekarang.

Keluaran Dalam Negara Kasar Malaysia bagi suku tahun kedua berkembang sebanyak 4.1 peratus berbanding dengan -5.2 peratus dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Dr Mahathir berkata peningkatan dalam rizab asing, eksport dan pasaran saham negara menunjukkan Malaysia telah mengambil langkah yang tepat.

Dengan menegaskan bahawa matawang yang stabil adalah lebih penting daripada kadar biasa ringgit, beliau menambah ini adalah kerana matawang dan kadar tukaran wang yang stabil baik bagi perniagaan.

Hasilnya, syarikat-syarikat tidak perlu melindungi nilai daripada pergolakan turun naik kadar di mana ia adalah kos dalam menjalankan perniagaan, katanya.

Memandangkan kepada perkara ini, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak akan menyemak semula penetapan ringgit pada kadar RM3.80 berbanding satu dolar Amerika melainkan matawang negara-negara jiran Malaysia turun lebih daripada 100 peratus yang menjadikan mereka lebih kompetitif.

Bagaimanapun, ia tidak akan dipertimbangkan sehingga kerajaan memutuskan bagi melaksanakan langkah lain.

Dr Mahathir juga berkata pemulihan Malaysia bukan bergantung keseluruhannya kepada kawalan kadar pertukaran tetapi juga kepada langkah-langkah lain.

Sebagai contoh, kerajaan membantu mengurangkan lebih hartanah dengan mengadakan pameran hartanah, menjalankan kempen jualan kereta serta mengurangkan import barangan mewah.

Bagi prestasi pasaran saham, beliau berkata beliau tidak begitu bimbang terhadap pergerakan ketika ini.

Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur terapung antara paras 740 dan 753 mata pagi ini.

"Tetapi apa yang membimbangkan adalah jika pasaran saham meningkat ke

paras yang tidak mencerminkan nilai aset sebenar syarikat," katanya.

Ketika sesi soal jawab selepas sidang akhbar, Dr Mahathir ditanya mengenai pembaharuan untuk mempercepatkan pemulihan ekonomi Asia.

"Cuba sematkan dalam fikiran bahawa reformasi tidak akan berlaku sekelip mata. Reformasi yang cepat mungkin akan membawa akibat buruk," katanya.

Dengan mengambil contoh China dan Rusia, beliau berkata kedua-dua negara tersebut cuba membuat pembaharuan, dengan beralih daripada sebuah ekonomi terkawal kepada ekonomi bebas.

Bagaimanapun, beliau berkata ketika lawatannya ke bahagian Timur Jauh di Rusia baru-baru ini, beliau mendapati rakyat lebih menderita berbanding ketika mereka berada di bawah pemerintahan Komunis.

"Mereka tidak tahu bagaimana untuk mengendalikan pasaran bebas...mereka menerima arahan dari Moscow. Mereka tidak tahu berapa banyak yang perlu dikeluarkan."

Akibatnya, beribu-ribu pekerja diberhentikan dengan sebahagian daripada mereka tidak mempunyai wang untuk membeli makanan, tambahnya.

Sementara itu, China, yang mengguna pakai sistem Komunisme, tidak menghapuskan sistem politiknya tetapi menghapuskan ekonomi kawalannya secara perlahan-lahan. Hasilnya China berkembang pesat sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

"Kita bukan mahu mengeneipkan reformasi tetapi kita akan membuat kajian lebih terperinci terlebih dahulu, tidak perlu tergopoh-gapah. Ekonomi kita sedang pulih," kata Dr Mahathir.

Ketika sesi tersebut, Penasihat Sg Way Corporate, Tan Sri Ramon Navaratnam, menanyakan soalan: "Jika operasi dana lindung nilai tidak dapat dikawal oleh negara-negara kaya, dan jika mereka tidak mahu mengawalinya, adakah kita perlu menunggu pembaharuan kerangka kewangan atau berbisik sesama sendiri untuk memulakan satu sistem bagi menghalang virus gangren ini untuk melindungi diri sendiri?"

Dr Mahathir menjawab negara-negara Selatan sering berhutang dengan negara-negara Utara. "Sebanyak mana kita mahu "berbisik", kapasitinya tidak akan wujud," katanya.

"Saya tidak akan mencuba melaksanakan kawalan matawang melainkan terdapat rizab dan lebihan perdagangan kukuh," katanya sambil menambah Malaysia tidak akan membazirkan rizabnya untuk mengukuhkan ringgit

Beliau berkata kebanyakan negara Selatan tidak mampu melakukan perkara itu tanpa mendapat keizinan daripada penasihat mereka.

Dr Mahathir sekali lagi membidas manipulator matawang kerana tidak telus dan malahan mereka langsung tidak membayar cukai kepada Thailand, Indonesia atau Malaysia yang terjejas oleh pergolakan matawang.

"Dagangan matawang adalah 20 kali lebih besar daripada perdagangan dunia tetapi bolehkah seseorang memberitahu saya berapa banyak orang yang meraih keuntungan daripada dagangan matawang?" tanyanya.

Dr Mahathir menambah, "Spekulator tidak menghiraukan nasib rakyat kerana mereka hanya mahukan keuntungan. Golongan yang sangat kaya memiskinkan berjuta-juta orang di seluruh dunia."

-- BERNAMA

TM ZK OS